

## Fasa Peralihan Nelayan Laut Dalam serta Kesan ke atas Ekonomi, Sosiobudaya dan Persekitaran

*(Transitional Phase of Deep-Sea Fishermen and Impact on Economic, Sociocultural and Environment)*

NORFATIHA OTHMAN, ABDUL RAHMAN ABDUL LATIP & NOR HAYATI SA'AT

### ABSTRAK

*Globalisasi dalam industri perikanan telah memberi kesan kepada pendapatan negara, pendapatan nelayan dan interaksi sosial di Malaysia khususnya di Wilayah ECER. Makalah ini mempunyai dua tujuan, pertama membincangkan perkembangan industri perikanan di wilayah ECER; kedua, meneliti kesan perkembangan industri perikanan dan kaitannya dengan titik peralihan nelayan laut dalam. Kajian menggabungkan data primer dan data sekunder untuk mendapatkan hasil kajian. Kajian dilakukan menerusi pendekatan kualitatif dengan menemu bual 17 orang informan yang terdiri daripada juragan laut dalam. Informan dipilih menerusi pensampelan bertujuan dan pensampelan bola salji. Kajian dilakukan di wilayah ECER (East Coast Economic Region) yang melibatkan empat buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur. Hasil temu bual ditranskripsikan dalam bentuk data verbatim iaitu sedutan kata daripada informan. Data verbatim dianalisis menggunakan analisis tematik yang melibatkan proses pengkodan, pengkategorian dan akhirnya pengeluaran tema bagi menjawab soalan kajian. Analisis kajian mendapati bahawa perkembangan industri perikanan mempengaruhi proses peralihan yang berlaku kepada nelayan laut dalam. Peralihan tersebut menunjukkan bahawa nelayan laut dalam dapat menerima perubahan yang berlaku dalam industri perikanan. Malah proses peralihan nelayan itu sendiri memberi kesan dari segi sosial, ekonomi, fizikal dan polisi kepada industri perikanan. Penemuan penting adalah nelayan laut dalam khususnya sebahagian juragan laut dalam telah menjadi pengusaha perikanan atau usahawan perikanan yang dikenali sebagai juragan-pengusaha. Pengiktirafan juragan-pengusaha sebagai usahawan secara tidak langsung memberi kesan kepada polisi strategik dalam industri perikanan berkaitan dengan jaminan keselamatan makanan negara.*

*Kata kunci: Peralihan nelayan; industri perikanan; globalisasi; nelayan laut dalam; juragan*

### ABSTRACT

*Globalization in the fishery industry has affected the country's income, fishermen's income and social interaction in Malaysia, especially in the ECER Region. This paper has two objectives, first discussing the development of the fishery industry in the ECER region; Secondly, examine the impression of industrial fisheries development and its relation to the transitional point of the deep-sea fishermen. The study combines primary data and secondary data to get results studies. The study was conducted through a qualitative approach by interviewing 17 informants consisting of deep-sea skipper. Informants are selected through purposive sampling and snowball sampling. The study was conducted in ECER (East Coast Economic Region) which involved four states namely Kelantan, Terengganu, Pahang and East Johor. The results of the interview are transcribed in the form of verbatim words which are the words of informants. The verbatim data were analysed using thematic analysis involving the coding process, the categorization and finally the theme output to answer the questionnaire. The analysis of the study found that the development of the fisheries industry affected the transitional process that occurred to deep-sea fishermen. The transition shows that deep-sea fishermen can accept changes in industry fisheries. In fact, the fishery transition process itself affects the social, economic, physical and policy aspects of the fisheries industry. An important discovery is some deep-sea skipper, have become fishery entrepreneurs known as 'juragan-pengusaha' (skipper-entrepreneur). Recognition of skipper*

*as entrepreneurs indirectly impacts strategic policies in the fisheries industry in relation to the national food security assurance.*

*Keyword: Fisherman transitional; fishing industry; globalisation; deep-sea fisherman; skipper*

## PENGENALAN

Kebelakangan ini, industri perikanan dunia telah digerakkan oleh pasaran. Globalisasi adalah saling ketergantungan antara pasaran dan industri perikanan melalui tiga saluran iaitu perdagangan ikan dan produk ikan; pelaburan langsung asing dalam penangkapan dan pemprosesan; dan perkhidmatan perikanan yang merangkumi perkhidmatan penangkapan, pemprosesan dan pengurusan perikanan (Schmidt 2003). Perkara inilah yang dititikberatkan oleh negara-negara pantai seperti Jepun, Kanada, Rusia, Norway dan Thailand yang memonopoli industri perikanan dunia. Negara tersebut telah berusaha untuk mengambil faedah dan peluang baru dengan melabur di dalam armada penangkapan perikanan moden dan kilang-kilang yang memproses hasil laut. Hal ini untuk memenuhi permintaan ikan dan produk ikan dunia yang makin bertambah (Jabatan Perikanan Malaysia 2016). Sama seperti di Malaysia, pemain industri perikanan mengambil peluang untuk mempergiatkan pelaburan dalam sektor perikanan. Pelaburan ini diketahui dengan jelas keuntungan yang bakal diperoleh dengan sumber marin yang semakin berkurangan. Hakikat ini direalisasikan oleh pengusaha-pengusaha industri perikanan menerusi penangkapan ikan di lautan dalam. Pengusaha-pengusaha ini memiliki vesel yang dapat membawa muatan melebihi 70 GRT (Gross Registered Tonnage). Vesel tersebut dapat beroperasi melebihi dari 30 batu nautika dan sempadan antarabangsa yang diklasifikasikan dalam zon C2 dan zon C3. Zon C2 dan C3 dikategorikan sebagai kapal tangkapan laut dalam yang dikendalikan oleh seorang ketua bot yang dipanggil juragan.

Juragan merupakan kumpulan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pengeluaran ikan, pemilik alat pengeluaran, mempunyai modal yang besar dan menggunakan teknologi baru (Firth 1990; Wan Hashim 1995). Mereka membina jaringan sosial, ekonomi dan politik (Therik 2008; Sudarmono, Junaenah & Noor Rahamah 2012; Bailey et al. 2015) dengan mewujudkan sistem keterikatan dengan komuniti nelayan yang terbabit. Tugas juragan sebagai pemodal, pemasar

dan pemilik (Ungku Aziz 1958; Mohamad Raduan 2006; Nobuyaki 2011; Yoshimura et al. 2016) menyebabkan mereka diberi kepercayaan yang tinggi dalam mengurus atur operasi perikanan komuniti nelayan yang terikat dengan mereka.

Konsep juragan yang digunakan ini bersifat dalam konteks kajian adalah pengalaman luas dalam ilmu kelautan, pemilik alat pengeluaran, produktiviti tinggi, modal yang besar dan menjalankan lebih daripada satu kerja. Kajian mengambil konsep juragan yang diutarakan oleh Firth (1990) dan Ishak (1990) untuk menghuraikan peralihan mereka sebagai juragan-pengusaha. Seseorang usahawan merupakan pemilik-pengurus dalam sesuatu perusahaan. Mereka mempunyai wawasan dan mempunyai keyakinan untuk merealisasikan wawasannya menjadi satu kenyataan (Chin 2002). Mereka juga mempunyai inisiatif untuk memaksimumkan kecekapan (Ibnu Khaldun 1904) serta mempunyai tolakan positif dan negatif yang berlaku dalam kehidupan (Shapero & Sokol 1984). Sehubungan dengan itu, seorang juragan bukan sahaja ketua kapal tetapi menjadi seorang usahawan yang mempunyai perusahaannya, sanggup menanggung risiko dalam industri perikanan, mengambil peluang yang ada, melakukan inovasi dari generasi sebelum ini dengan mengembangkan perusahaan perikanan tradisi yang diusahakan oleh pewaris sebelum ini.

Perkembangan pembangunan dan penyelidikan serta peningkatan penggunaan teknologi dalam industri perikanan memberi kesan langsung kepada komuniti nelayan laut dalam khususnya juragan. Apa tidaknya mereka dapat mengadaptasi kemajuan dalam aktiviti tangkapan mereka. Peralihan ini membenarkan kumpulan juragan ini untuk mengambil peluang mempergiatkan aktiviti perikanan, di samping memiliki modal yang banyak, kemudahan infrastruktur, insentif tertentu yang dijanjikan sekiranya melakukan pendaratan yang banyak dan penawaran lesen laut dalam yang masih meluas terutamanya di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Justeru, makalah ini bertujuan menganalisis impak peralihan juragan laut dalam kepada pengusaha perikanan dari aspek ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran. Titik

penting dalam kajian ini adalah, evolusi industri perikanan secara lamban memberi kesan langsung kepada transformasi sebahagian kumpulan juragan menjadi pengusaha perikanan atau pun usahawan.

### KAJIAN LEPAS

Peralihan atau mobiliti nelayan adalah satu proses perubahan atau pergerakan nelayan atau kelompok nelayan daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain dalam sesebuah masyarakat. Perubahan itu boleh berlaku antara generasi dan juga secara intergenerasi (Nor Hayati 2011). Peralihan yang berlaku akibat globalisasi menjadikan dunia seakan sempit, kesannya turut dirasai oleh komuniti nelayan khususnya dari aspek sosiobudaya, ekonomi dan persekitaran mereka. Menurut Nor Hayati, Ibrahim dan Wan Zaifurin (2017) corak sosiobudaya komuniti nelayan di Pantai Timur menunjukkan sebahagian penduduk muara masih menjadikan lautan sebagai sumber rezeki sama ada bekerja sebagai nelayan atau menjalankan perniagaan berasaskan hasil laut. Bahkan dari segi ekonomi juga menunjukkan perubahan kesan dari transformasi iaitu kepemilikan barang kehendak telah mampu dimiliki dan dianggap barang mewah oleh nelayan. Peralihan ini ke atas komuniti nelayan kelihatan agak kompleks dan paradoks. Perubahan ini ketara terutamanya kesan kepada individu (nelayan itu sendiri) khususnya dalam ekonomi tempatan misalnya aset isi rumah, pendidikan dan tahap kemahiran, identiti pekerjaan, ideologi keluarga, hubungan sosioekonomi dan inisiatif keusahawanan (Hapke 2012).

Menurut Norfatiha (2018) golongan nelayan laut dalam kurang diberi pendedahan berbanding golongan nelayan pesisir menyebabkan peralihan mereka kurang diberi tumpuan. Tambahan pula, masyarakat dan pihak agensi menganggap mereka merupakan nelayan komersial yang boleh berdikari sendiri. Hakikatnya, sebahagian golongan nelayan laut dalam bermula daripada golongan nelayan pesisir. Transformasi sebahagian golongan nelayan laut dalam secara tak langsung telah memberi kesan kepada ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran kehidupan nelayan tersebut. Misalnya, dari segi ekonomi, hasil tangkapan telah dikomersialkan dengan peluasan struktur pemasaran (Hapke 2012) iaitu tidak terhad di dalam negara sahaja tetapi telah dieksport ke luar negara. Mengkomersialkan hasil tangkapan merupakan satu usaha untuk meningkatkan pendapatan nelayan dan menyumbang

kepada kadar KDNK negara. Manakala dari aspek sosiobudayanya pula, taraf hidup hasil transformasi semakin baik dan sejahtera. Mereka telah berubah dari segi gaya hidup di mana sebelum ini berkumpul dan berbual di wakaf dan lepak di kedai kopi (Nor Hayati 2011) mereka telah bertukar ke kopitiam dan restoran (Norfatiha 2018). Seterusnya, perubahan persekitaran melibatkan kemudahan yang memudahkan nelayan mengakses ke pelabuhan dengan pembinaan pelabuhan yang lengkap dengan teknologi elektronik dan kawalan mesin.

Dalam pada itu, kajian Zamzani (2014), Razi et al. (2016) dan Dahalan et al. (2012) juga menjelaskan bahawa setiap perubahan sosiobudaya secara tak langsung memberi kesan kepada kehidupan ekonomi nelayan misalnya setiap perubahan yang dilakukan untuk memajukan keluarga dapat meningkatkan pendapatan secara langsung dengan saluran dan insentif yang diperlukan oleh komuniti nelayan. Malahan corak hidup dan budaya seperti pengalaman amalan tertentu juga semakin ditinggalkan akibat telah terbuka gaya pemikiran terhadap kepercayaan karut yang diamalkan oleh generasi sebelum ini. Selain itu terdapat pelbagai inisiatif lain untuk membangunkan diri mereka selain berhutang. Mereka diberi pinjaman atau bantuan kewangan untuk dijadikan modal permulaan untuk memperbaharui bot atau memulakan perniagaan yang diinginkan. Perubahan sebegini boleh memacu transformasi dalam kalangan nelayan yang pesisir kepada operasi perikanan laut dalam.

Perubahan nelayan laut dalam ini semakin diberi perhatian oleh pihak kerajaan atas sumbangan industri ini kepada ekonomi negara dan pembangunan modal manusia dan sosial komuniti nelayan. Pembentangan bajet pada tahun 2018, kerajaan menyasarkan pendaratan ikan sebanyak 532,000 tan metrik dengan meningkatkan infrastruktur pelabuhan mengikut piawaian antara bangsa serta 2000 orang tenaga kerja tempatan melalui pusat latihan perikanan bagi industri tuna dan laut dalam. Perkara ini menunjukkan perkembangan peralihan nelayan memberi kesan kepada industri perikanan supaya lebih berdaya saing dan berkembang maju.

### METODOLOGI

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjawab objektif menerusi kaedah temu bual mendalam bersama informan yang telah dipilih. Pendekatan kualitatif bertujuan untuk meneroka

sesuatu fenomena secara mendalam. Fenomena tersebut boleh jadi pengalaman, sejarah hidup dan perubahan sosial tertentu yang dapat memberi makna kepada mereka. Oleh itu kajian menggunakan reka bentuk kajian kes dan persejarahan untuk meneliti fenomena titik peralihan nelayan laut dalam melalui temu bual mendalam berkenaan pengalaman hidup sebagai nelayan dan kajian juga meminta informan refleksi kembali mengenai sejarah hidup bapa dan datuk serta anak mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai penglibatan dalam aktiviti perikanan.

Seterusnya, pemilihan informan pula berdasarkan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan pensampelan bola salji (*snowball sampling*). Pensampelan bertujuan adalah pemilihan sampel berdasarkan kriteria yang menjadi syarat utama kajian. Kajian telah menggariskan tiga syarat utama untuk dijadikan informan iaitu (i) mestilah warganegara Malaysia; (ii) mempunyai pengalaman menjadi juragan bot laut dalam melebihi lima tahun; dan (iii) memiliki sekurang-kurangnya sebuah bot laut dalam sendiri. Pensampelan bola salji pula adalah informan yang mempunyai ciri-ciri yang diperlukan oleh kajian yang mana diperkenalkan oleh informan sebelumnya dan diambil menjadi informan berikutnya.

Temu bual mendalam dijalankan kepada 17 orang informan di wilayah ECER di mana terdapat empat buah negeri yang terlibat iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur. Di Kelantan, enam orang juragan laut dalam di temu bual iaitu di daerah Tumpat dan Pasir Putih; di Terengganu melibatkan tiga orang informan iaitu di daerah Kuala Besut; di Pahang melibatkan daerah Kuantan iaitu seramai enam orang dan tiga orang di Endau-Mersing di Johor Timur. Temu bual informan ini mengambil kira (i) kerjasama dan kesudian mereka untuk ditemu bual dan; (ii) mencapai titik tepu yang mana informan memberi jawapan yang sama atau berulang seperti informan sebelum ini.

Data temu bual yang diperoleh ditranskripsikan ke dalam bentuk verbatim iaitu sedutan kata untuk dianalisis. Bagi menganalisis data kualitatif, tiada cara khusus atau teknik tertentu untuk mengeluarkan tema, asalkan metod yang digunakan mencapai maksud kajian dan menjawab persoalan kajian yang ingin dijawab. Mengambil pandangan Bogdan & Biklen (2007), analisis data kualitatif merupakan proses sistematik bagi mencari dan menyusun transkrip temu bual, kajian lapangan dan dokumen lain yang boleh meningkatkan kefahaman

sendiri dan memahamkan orang lain. Analisis ini termasuklah bekerja dengan data, menguruskan data, bahagi data dalam unit tertentu, sintesis data, meneliti corak dan memperkenalkan apa yang penting dan apa yang boleh dipelajari daripada data serta menentukan apa yang boleh di beritahu umum. Kajian ini memilih untuk menggunakan kaedah tematik untuk menguruskan data. Kaedah tematik merupakan salah satu kaedah yang sesuai untuk menganalisis, mengklasifikasikan tema (Braun & Clarke 2006) yang berkaitan data kajian ini. Ia dapat menggambarkan data secara terperinci yang mempunyai pelbagai subjek kajian melalui tafsiran kajian (Alhojailan 2012; Maguire & Delahunt 2017). Sebelum data dibahagikan kepada tema-tema tertentu, data melalui beberapa proses pengelasan iaitu pengekodan, pengkategorian dan akhirnya baru dibahagi mengikut tema untuk diinterpretasikan.

#### KERANGKA KONSEP KAJIAN

Terdapat empat fasa perubahan nelayan laut dalam. Fasa pertama, mereka merupakan nelayan pesisir yang menggunakan bot di zon A, B dan C. Seterusnya, fasa kedua merupakan fasa menjadi juragan. Ketika ini mereka mengumpul modal untuk membeli unit pengeluaran laut dalam. Fasa pertama dengan fasa kedua mengambil masa lebih kurang 10 hinggg 20 tahun untuk melalui proses transisi. Fasa ketiga pula, fasa pembentukan sebagai usahawan. Mereka mula menjalinkan hubungan dengan komuniti nelayan, pihak berkuasa, Persatuan Pengusaha Perikanan Pantai Timur (PELAUD), rakan usahawan, pekerja darat dan pekerja laut]. Yang mana perlunya proses sosialisasi untuk mendapatkan dan mencapai faedah tertentu yang diinginkan dalam ekonomi. Konsep *embedded* dapat menghuraikan jaringan sosial ekonomi yang dikemukakan oleh Granovetter (1985) melalui tiga cara iaitu kepercayaan antara satu sama lain, pemindahan ilmu dengan berkongsi maklumat antara rakan niaga lain dan menyelesaikan masalah bersama jika timbul sesuatu isu. *Embedded* dalam erti kata kajian ini adalah jaringan hubungan yang terbenam dan bergaul dalam ekonomi terjalin dalam kalangan juragan dengan komuniti nelayan. *Embeddedness* ini mewujudkan jaringan sosial di antara mereka. Jaringan sosial tersebut pula mestilah utuh dan perlu dipastikan jaringan sosial supaya tidak longgar untuk kebaikan kedua-dua pihak.



Fasa keempat merupakan fasa terakhir evolusi yang mana mereka telah beralih menjadi pengusaha perikanan. Ketika ini juragan menjadi pengurus kepada syarikat perikanan dan telah berhenti ke laut. Pada masa yang sama jaringan hubungan yang dibina pada fasa tiga masih lagi berjalan dan beruntun antara satu sama lain ke arah semakin kukuh. Dalam proses mengukuhkan kedudukan sebagai seorang usahawan, juragan memerlukan sifat keusahawanan dalam diri. Mereka perlu mempunyai daya inisiatif untuk memaksimumkan pengeluaran melalui meningkatkan proses sosialisasi dan interaksi sosial antara komuniti. Justeru, simbiosis mewujudkan hubungan ketergantungan antara juragan dengan komuniti nelayan. Ketergantungan tersebut bersandarkan kepada kepentingan kedua-dua pihak. Antaranya ketergantungan sumber, ketergantungan ekonomi dan ketergantungan sosial. Hubungan ketergantungan ini menimbulkan satu lagi hubungan keterikatan yang dipanggil hubungan patron-klien. Hubungan patron-klien berlaku apabila kedudukan juragan telah berubah menjadi pengusaha. Hubungan ini berlaku antara juragan-pengusaha dengan pekerja darat dan laut. Patron-klien muncul apabila sebelah pihak adalah golongan tidak berkemampuan atau tidak berdaya dan sebelah pihak lagi adalah golongan kuat dan berpengaruh. Dalam konteks ini, golongan lemah tersebut adalah golongan pekerja manakala golongan yang


kuat adalah juragan-pengusaha. Merujuk kepada kerangka kajian di Rajah 1 dapat dirumuskan bahawa, evolusi juragan melalui empat fasa, pada akhirnya memunculkan satu kelompok sosial baharu iaitu juragan-pengusaha yang dikategorikan sebagai kelompok strategik baharu.

### PERKEMBANGAN INDUSTRI PERIKANAN DI MALAYSIA DAN WILAYAH ECER

Kajian membincangkan perkembangan industri perikanan menerusi tiga fasa iaitu selepas Merdeka (1957) sehingga tahun 1970 adalah fasa pertama, kemudian fasa kedua antara tahun 1971 hingga 1990 dan fasa ketiga tahun 1991 hingga tahun 2017. Tempoh tiga fasa ini merupakan satu tempoh yang agak panjang lebih kurang 60 tahun yang dapat melihat perubahan dua setengah generasi manusia. Justeru, kajian melihat perubahan 20 tahun setiap satu fasa merupakan tempoh yang rasional untuk generasi ke generasi berubah atau pun tempoh yang munasabah untuk nelayan mengadaptasi sesuatu perubahan yang berlaku dalam industri perikanan.

#### FASA PERTAMA 1957 HINGGA 1970

Impak penjajahan British yang masih terkenas menggalakkan perkembangan masyarakat



RAJAH 1. Fasa peralihan nelayan  
Sumber: Kajian lapangan 2017

ketika itu masih dalam keadaan dasar pecah dan perintah. Oleh yang demikian, pembaharuan ekonomi dalam masyarakat merupakan agenda utama untuk dilaksanakan. Kerajaan ketika itu berusaha untuk meningkatkan taraf hidup dan membantu meningkatkan pendapatan masyarakat termasuklah komuniti nelayan. Sekitar tahun 1966 sektor perikanan pada masa ini mengalami ketidaksempurnaan pasaran yang mana hasil nelayan sangat kecil. Hal ini kerana kuasa perundangan yang terhad, kekurangan maklumat pasaran, kekurangan gred dan standard, monopoli dan kartel serta orang tengah yang menguasai pengurusan pasaran (Rancangan Malaya Pertama 1966-1970).

Menurut Firth sekitar tahun 1957 di Kelantan khususnya, hanya terdapat tiga peratus atau 6500 orang yang bergiat dalam industri perikanan iaitu sebagai nelayan, peraih, pengawet dan penjual ikan (1990:3). Perahu merupakan unit pengeluaran utama untuk menangkap ikan yang mana mereka bergantung pada angin untuk melakukan aktiviti penangkapan. Dengan itu, kawasan tangkapan sangat terhad, ditambah pula dengan aset pengeluaran yang terhad. Sekitar tahun 1955, hanya 13 peratus penggunaan perahu bermotor dan meningkat pada tahun 1960 menjadi 60 peratus. Walau bagaimana pun penggunaan perahu sangkut bermotor ini telah popular di Berserah, Pahang. Penukaran corak nelayan yang selama ini beroperasi di kawasan pantai mendorong kepada usaha yang lebih besar untuk menjalankan aktiviti tangkapan ke tengah pantai (Firth 1990: 20)

Penggunaan bot berjentera dalam kalangan nelayan sekitar tahun 1956 sehingga tahun 1970 di Pantai Timur ketika itu membawa perubahan dari segi hubungan antara golongan pengusaha-pemodal dengan nelayan lain. Dengan kata lain perubahan hubungan ini meluaskan jurang perbezaan antara golongan miskin dengan golongan kaya (Ishak 1990:3). Walau perubahan berlaku dalam sektor perikanan dengan tingkat teknologi yang semakin moden, nelayan tetap dibelenggu oleh golongan pemodal iaitu orang tengah yang menguasai pemasaran mereka. Perkara ini tidak dapat mengurangkan kemiskinan dan pembangunan komuniti nelayan itu masih terbantut dan terkebelakang.

#### FASA KEDUA 1971 SEHINGGA 1990

Pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 bertujuan untuk mengagihkan kekayaan sama

rata kepada semua masyarakat. Jabatan Perikanan ketika itu diberi tanggungjawab membasmi dan menyusun semula masyarakat nelayan melalui Rancangan Malaysia Kedua (RMK) (1971-1975) dan RMK Ketiga (1976-1980) dengan peruntukan sebanyak RM96 juta kepada Jabatan Perikanan bertujuan membantu nelayan memiliki vesel, enjin dan pukot menerusi skim bantuan subsidi nelayan. Malahan sebanyak RM45 juta turut diperuntukkan untuk membuat dan menambah baik infrastruktur perikanan (Jabatan Perikanan Malaysia 2018).

Peningkatan sebanyak 8.2 peratus setahun pada tahun 1970, sektor perikanan terus berkembang disebabkan penggunaan perahu pukot tunda terutamanya di Malaysia Barat. Malah perahu berjentera dan alat-alat menangkap ikan moden telah digunakan oleh nelayan ketika itu. Eksport ikan telah bertambah dari RM41.7 juta dalam tahun 1965 kepada RM95.2 juta dalam tahun 1970 (Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975). MAJUIKAN ditubuhkan pada tahun 1971 untuk memajukan komuniti nelayan dengan menyediakan skim pukot tunda kepada 135 buah bot di Kelantan, Pahang dan Terengganu. Skim ini bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan kepada 1000 orang nelayan di negeri tersebut seperti yang dinyatakan dalam RMK 2. Dalam RMK ketiga iaitu tahun 1975-1980, kerajaan membina pelabuhan di Kuala Terengganu dengan kemudahan jeti, lampu bot, bengkel bungkusan sumber marin dan bilik sejuk beku kepada nelayan. Bagi merancakkan lagi industri perikanan, kerajaan telah membuat penambahbaikan program institusi perikanan kepada nelayan supaya lebih efektif dari segi latihan, kredit, subsidi, penyelidikan, pemasaran dan pemprosesan. Pusat Latihan Perikanan Maritim di Kuala Terengganu telah ditubuhkan untuk memberi pendedahan kepada nelayan mengenai penyelenggaraan enjin dan mengemudi bot.

Namun begitu, proses perkembangan pengeluaran secara kapitalis terus berlaku dengan pesat dalam perusahaan perikanan berbanding dengan perusahaan padi (Wan Hashim 1980). Ishak merumuskan bahawa walaupun perkembangan sektor perikanan telah berjaya menghasilkan pengeluaran yang lebih besar, namun sebahagian keuntungannya dinikmati oleh segelintir golongan yang mempunyai modal, manakala segolongan besar nelayan yang miskin tidak berubah nasib mereka, bahkan hidup mereka bertambah buruk lagi (Ishak 1990). Perkara ini berlaku akibat daripada peluasan penguasaan modal dalam ekonomi nelayan

menyebabkan komuniti nelayan sukar untuk keluar dari belunggu pemodal.

Pada tahun 1981, Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) telah diisytiharkan oleh kerajaan yang melibatkan pertambahan kawasan perairan negara. Akta perikanan baru diperkenalkan dan mula dikuatkuasakan pada Januari 1986 bagi menyesuaikan dengan perkembangan industri perikanan semasa. Jabatan Perikanan juga mempergiatkan aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk meningkatkan daya saing sektor perikanan. Pada tahun 1987 galakan penerokaan perikanan laut dalam dengan kerjasama negara Thailand telah diperkenalkan. Untuk tujuan itu, Institut Latihan Nelayan yang ditubuhkan di Batu Maung, Pulau Pinang menawarkan kursus bertaraf sijil kepada nelayan seperti sijil kecekapan juragan, pekerja enjin, jurumudi, pembuat pukot, pelayaran dan kejuruteraan. Jabatan Perikanan juga telah bertindak mengeluarkan lesen dan melatih nelayan laut dalam untuk mempergiatkan aktiviti perikanan laut dalam (Jabatan Perikanan Malaysia 2018).

Pengenalan kepada perikanan laut dalam meningkatkan produksi pendaratan ikan sebanyak 7.6 peratus atau 100 000 tan pada tahun 1990 berbanding 18 300 tan pada tahun 1985. Pada masa sama, kerajaan terus melakukan langkah-langkah memodenkan sektor perikanan laut dalam khususnya dalam RMK 5. Kemudahan kredit disediakan untuk menaiktarafkan bot yang dilengkapi dengan kemudahan yang baik untuk nelayan memiliki bot laut dalam sendiri.

Peluang yang dibuka oleh kerajaan dijadikan satu batu lompatan untuk sebahagian juragan ini menaik taraf bot mereka kepada bot laut dalam. Dengan pinjaman yang diberikan oleh bank, latihan dan pengalaman yang ada, mereka memulakan perusahaan perikanan laut dalam. Permulaan ini membawa kejayaan sehinggakan sebahagian daripada mereka berjaya keluar dari keterikatan golongan pemodal.

#### FASA KETIGA 1991 SEHINGGA 2017

Selepas tahun 1990, perkembangan industri perikanan laut dalam semakin dilihat rasional terhadap sumbangan utamanya kepada KDNK negara. Bagi merealisasikan perikanan tangkapan, industri perikanan laut dalam ditransformasikan dengan menumpukan kepada pemodenan teknologi tangkapan, naik taraf kemudahan infrastruktur pendaratan dan pemasaran ikan, pengukuhan

keupayaan nelayan, pematuhan terhadap piawaian antarabangsa mengenai pengendalian dan pendaratan ikan serta pengurusan sumber perikanan secara mampan (Dasar Agro makanan Negara 2011-2020). Dalam RMK 7 sehingga RMK 11, umumnya kerajaan menggalakkan penyertaan sektor swasta dari luar negara membuat pelaburan dalam sektor perikanan negara. Penyediaan latihan yang disimulasikan dalam keadaan sebenar memberi nelayan kemahiran secara langsung khususnya mengemudi di tengah lautan. Pada tahun 2000, kerajaan membina sebuah kompleks perikanan di Tok Bali Kelantan sebagai hub industri perikanan laut dalam bagi memenuhi keperluan industri perikanan di negara ini (Rancangan Malaysia ke 8 2001-2005).

Globalisasi yang berlaku mendorong sektor perikanan dimodenkan dengan memperkukuhkan rantaian bekalan dan memastikan pematuhan terhadap keperluan pasaran antarabangsa. Bagi melonjakkan lagi industri perikanan ini, menerusi Persatuan Nelayan, nelayan diberi insentif untuk membantu ahli membeli kapal laut dalam yang dilengkapi dengan peralatan moden melalui skim khas. Untuk tujuan itu memperkasakan Persatuan Nelayan dari aspek pengurusan, kewangan, pelaburan dan pemasaran telah diperkukuhkan bagi membolehkan entiti tersebut menceburi bidang perniagaan baharu dalam bidang perikanan atau bukan bidang. Secara tidak langsung, pemerksaan Persatuan Nelayan memberi impak kepada pelaburan saham oleh pemilik kapal laut dalam dengan memperoleh keuntungan pelaburan.

Pengukuhan nilai keusahawanan juga diterapkan dalam diri nelayan menerusi program pembangunan keusahawanan nelayan. Sehubungan dengan itu, skim pembangunan keusahawanan, modal permulaan dan latihan disediakan untuk membangun dan mengembangkan lagi perniagaan berskala kecil, sederhana dan besar (Rancangan Malaysia Ke 10).

Pembangunan komuniti nelayan khususnya komuniti nelayan laut dalam adalah penting bagi memastikan kekonsistenan daya saing yang telah sedia ada. Bagi memenuhi tujuan itu, kerajaan telah mengambil perhatian terhadap industri perikanan laut dalam. Industri perikanan laut dalam merupakan perikanan tangkapan yang mempunyai potensi yang tinggi untuk menyumbang kepada sekuriti makanan negara. Strategi bagi memodenkan dan mentransformasikan perikanan tangkapan salah satunya adalah dengan membangunkan sumber manusia di sektor perikanan laut dalam.

Pembangunan tenaga kerja perikanan laut dalam dipergiat melalui latihan praktikal di vesel swasta bagi meningkatkan kompetensi tekong, jurumudi dan awak-awak. Pelatih didedahkan dengan kaedah penangkapan yang lestari dan pematuhan kepada peraturan penangkapan ikan antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran terhadap amalan kemapanan. Program pembangunan tenaga kerja dapat menggalakkan lebih ramai pengusaha laut dalam menceburi bidang perikanan (Dasar Agro makanan Negara 2011-2020).

Impak globalisasi kepada industri perikanan membuka ruang untuk industri perikanan ditambah baik. Pelbagai teknologi moden diadaptasi hasil daripada perkongsian dengan pelbagai negara telah diaplikasikan dalam operasi nelayan tempatan. Malah, pemindahan ilmu seperti negara Thailand dapat memantapkan lagi kompetensi nelayan laut dalam Malaysia. Transformasi sebegini memberi manfaat kepada industri perikanan untuk terus maju dan menyumbang kepada pendapatan negara, seterusnya menjadikan komuniti nelayan sebagai usahawan nelayan yang berjaya.

#### KESAN PERKEMBANGAN INDUSTRI PERIKANAN DAN KAITANNYA DENGAN PERALIHAN NELAYAN

Perkembangan industri perikanan awal tahun 1980an mendorong informan bertukar kepada operasi tangkapan menggunakan bot yang lebih besar. Kerajaan juga turut menggalakkan nelayan tempatan untuk meneroka laut dalam dengan menyediakan pelbagai insentif, antaranya, kursus mengemudi, kursus juragan, kursus teknikal dan pinjaman modal kepada nelayan yang berminat. Justeru, informan menggunakan peluang ini untuk mengembangkan perusahaan perikanan sedia ada. Perkembangan inilah yang mendorong mereka untuk meninggalkan perikanan pesisir pantai beralih kepada perikanan laut dalam. Walau bagaimana pun terdapat faktor utama lain iaitu ingin keluar dari kemiskinan yang diwarisi daripada datuk dan bapa mereka. Selain itu, faktor ingin berubah dan ingin mencuba perkara baharu mendatangkan hasil bila mana mereka berjaya menguasai industri perikanan. Oleh itu, perubahan dalam industri perikanan memberi kesan langsung kepada (i) perubahan kehidupan nelayan dengan fasa-fasa peralihan sehingga berjaya menjadi juragan-pengusaha. (ii) Peralihan nelayan kepada juragan-pengusaha memberi kesan kepada ekonomi, sosiobudaya dan

persekitaran mereka. Malah perkembangan industri perikanan dan peralihan nelayan ini memunculkan satu kategori sosial baharu dalam komuniti nelayan. Kesan perkembangan industri perikanan dan kaitannya dengan peralihan nelayan diperincikan seperti di bawah.

#### FASA PERALIHAN NELAYAN

Terdapat lima fasa peralihan nelayan sebelum berjaya menjadi juragan-pengusaha perikanan laut dalam.

Fasa pertama merupakan fasa permulaan menceburi bidang perikanan. Majoritinya informan terlibat dalam aktiviti perikanan di peringkat umur belasan tahun. Pada fasa ini, mereka bertugas sebagai krew di dalam bot pesisir milik datuk atau bapa mereka. Ada juga yang bekerja dengan bot milik orang lain kerana bapa dan datuk mereka bukan keturunan nelayan. Fasa pertama ini sekitar tahun 70an di mana mereka menjalankan operasi tangkapan menggunakan peralatan tradisional. Antaranya bot kayu, bubu, pancing, pukut jerut bilis, pukut tangkul, pukut sekaya (untuk tangkap ikan kembung, selayang, kerisi) dan pukut tarik. Status keluarga yang miskin mendorong mereka untuk membantu bapa menangkap ikan dan mencari pendapatan untuk menyara keluarga.

Fasa kedua, fasa menjadi juragan pesisir pantai. Suatu masa dulu, seseorang yang boleh menjadi juragan merupakan individu yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidang perikanan. Pengalaman tersebut diperoleh setelah bertahun bekerja dengan datuk dan bapa. Melihat dan mengaplikasikan apa yang dipelajari membolehkan mereka mahir untuk mengemudi bot. Bot ketika itu menggunakan enjin sangkut atau enjin dalam. Bot kecil biasanya terdiri daripada tiga orang pekerja iaitu seorang juragan dan dua orang krew untuk menjatuhkan dan menaikkan pukut. Ketika ini tugas sebagai juragan sangat dihormati dan antara kelompok yang memperoleh pendapatan yang paling tinggi. Hal ini kerana kepakaran mengemudi bot, tidak semua nelayan memiliki kemahiran dan keberanian. Bertugas sebagai juragan pesisir, bukan sahaja perlu mengetahui cara mengemudi bot tetapi memiliki kemahiran meneliti kawasan kumpulan ikan. Sekitar tahun 1940an hingga 1960an dulu, sesebuah bot bergantung pada juru selam yang bertugas sebagai individu yang mengenal pasti kawasan ikan dan mendengar bunyi kumpulan ikan. Apabila pelbagai teknologi baharu diperkenalkan, tugas sebagai juruselam sudah



tidak diperlukan lagi. Oleh yang demikian, sebagai seorang juragan bot, teknologi dan kemahiran yang dimiliki perlu digabung jalin dalam mengemudi semasa operasi tangkapan.

Seterusnya, fasa ketiga, fasa pertukaran kepada bot yang lebih besar seperti bot di zon A, B dan C. Setelah memiliki modal yang dikumpul, pinjaman dari pada keluarga, pinjaman daripada sahabat atau dipinjamkan oleh tauke atau orang tengah, informan beralih kepada bot yang lebih besar dan boleh menjalankan aktiviti tangkapan lebih jauh dari pantai. Fasa ini sekitar tahun 1970an yang mana bot berjentera mulai terkenal. Pertukaran kepada bot baharu secara tidak langsung dapat meningkatkan hasil tangkapan dan meningkatkan hasil pendapatan. Di fasa inilah mereka mengumpul modal untuk membayar hutang dan membeli bot yang lebih besar. Fasa ini mengambil masa lebih kurang 10 tahun untuk mereka stabil dan mengekalkan rentak untuk terus berusaha mencapai matlamat.

Kemudian, fasa keempat adalah pemilikan bot laut dalam. Sekitar tahun 80an mereka telah mampu memiliki bot laut dalam dan menjadi juragan untuk bot tersebut. Sebelum terlibat dalam industri perikanan laut dalam, sesetengah dari informan sanggup ke Thailand semata-mata untuk mempelajari teknik dan kaedah yang sistematik untuk menguruskan bot laut dalam. Sementara itu, ada juga informan ke Batu Maung, Pulau Pinang, Perak, Selangor untuk berkongsi dan mendapatkan ilmu mengenai perusahaan bot laut dalam. Setelah mempunyai pengalaman mengurus dan mempunyai kekuatan untuk memajukan perusahaan perikanan laut dalam ini, mereka bergerak terus ke hadapan dengan mendaftar perusahaan secara rasmi. Keuntungan syarikat dijadikan sebagai pelaburan untuk membeli aset pengeluaran seperti bot kedua, teknologi kapal untuk memudahkan usaha menangkap ikan dan pelaburan dalam bidang perniagaan seperti hartanah, bangunan dan perniagaan berkaitan perikanan.

Fasa kelima yang mana perusahaan perikanan semakin maju dengan permintaan ikan di dalam dan luar negeri yang tinggi menyebabkan syarikat perlu diuruskan dengan baik. Oleh itu, selepas lima hingga 10 tahun menjadi juragan dalam bot laut dalam, mereka mengambil keputusan untuk berhenti menjadi juragan dan ingin fokus kepada syarikat. Justeru, mereka melantik juragan-pekerja untuk menggantikan mereka untuk mengemudi bot. Juragan-pekerja merupakan nelayan yang mempunyai kemahiran tinggi dalam mengemudi

bot laut dalam namun tidak memiliki bot sendiri. Juragan-pekerja ini biasanya terdiri daripada warganegara asing dari Thailand dan Vietnam. Pada fasa ini, proses dan strategi pemasaran semakin efektif di mana hasil tangkapan dieksport ke luar negara terutamanya Thailand, Singapura dan yang terbaru ke Jepun melalui Thailand. Bagi memastikan kelangsungan perniagaan pada masa hadapan, informan juga merencamkan perniagaan mereka seperti membuka kilang ais, membina bangunan untuk sewaan, membuka pasar raya dan mengusahakan tanah pertanian. Setelah hampir 10 hingga 15 tahun terlibat dengan perusahaan perikanan laut dalam, mereka menyerahkan separuh perniagaan kepada anak bagi yang berminat dan dipantau serta ditunjuk ajar oleh informan.

#### KESAN PERALIHAN NELAYAN

Globalisasi dalam sektor perikanan membuka ruang dan peluang kepada komuniti nelayan untuk melakukan perubahan ke atas kehidupan mereka, seterusnya memberi kesan langsung kepada industri perikanan. Perubahan secara berperingkat dari nelayan pesisir kepada juragan-pengusaha perikanan laut dalam memberi satu impak khususnya kepada ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran nelayan itu sendiri. Kesan peralihan ini akan dibincangkan berdasarkan perubahan inter-generasi. Generasi yang terlibat adalah generasi datuk, bapa dan informan serta anak informan yang mana melibatkan tahun sekitar 1940an hingga 1960an; 1961an sehingga 1980an; 1981an sehingga 2010an; dan 2011an sehingga tahun 2017.

*Perubahan Ekonomi* Perubahan ekonomi melibatkan tiga perkara iaitu perubahan daripada hulu kepada hiliran, perubahan pendapatan dan perubahan strategi pemasaran. Kesan peralihan nelayan kepada juragan-pengusaha membuka ruang ekonomi untuk menjalankan perusahaan berkaitan perikanan termasuklah menjual ikan, membuat bahan mentah, pemprosesan makanan, membuka pasar raya dan membuat bot sewa pancing.

Perubahan hulu kepada hiliran bermaksud perkembangan cara pengagihan hasil dan corak jualan hasil tangkapan oleh komuniti nelayan dari generasi ke generasi semakin berubah. Pada tahun 1940an hingga 1960an komuniti nelayan hanya menjual hasil di sekitar kampung dan menunggu pembeli di tepi pantai. Tangkapan ketika itu berskala kecil dengan penggunaan alat tangkapan

tradisi. Sekitar tahun 1961an hingga 1980an pula, proses jual beli telah beralih ke luar daerah dan negeri lain melalui orang tengah atau tauke. Perubahan penggunaan bot yang lebih besar tahun 1981 hingga 2010 menyebabkan hasil tangkapan yang diperoleh berskala besar dan pelbagai jenis ikan. Ketika ini ikan-ikan dijual di luar negeri dan di eksport ke Thailand dan Singapura. Ikan-ikan tersebut digredkan dan dihantar kepada pembeli di dalam dan luar negara. Seterusnya, kini, kegiatan eksport ikan menjadi perkara penting dan juragan-pengusaha mendapat pulangan yang banyak bila mana berlakunya proses jual beli antara negara. Walau bagaimanapun perkara ini dikawal oleh Jabatan Perikanan Malaysia terutamanya eksport ke Singapura disebabkan permintaan tinggi dalam negara.

Selari dengan peralihan huluan ke hiliran, pendapatan komuniti nelayan juga turut berubah. Pendapatan yang diperoleh oleh generasi datuk dan bapa adalah untuk memenuhi keperluan keluarga manakala bagi generasi informan dan anak, pendapatan yang diperoleh melebihi keperluan.

Walaupun memperoleh pendapatan yang tinggi, sejajar dengan pelaburan modal yang besar terhadap perusahaan, mereka tetap berusaha untuk mempelbagaikan perusahaan yang ada untuk memastikan kelangsungan syarikat yang dibina. Justeru, mereka merencamkan perniagaan dengan mempelbagaikan lagi produk berasas sumber laut seperti bebola ikan, filet ikan, gamat, ikan kering, udang kering dan membuka pasar raya segar untuk jualan pasar basah dan sayuran.

Secara tidak langsung, untuk memastikan peralihan selari dengan corak agihan dan peningkatan pendapatan, strategi pemasaran juga turut berubah dari generasi ke generasi. Proses pemasaran ketika generasi datuk dilakukan sendiri yang mana mereka jual setelah pulang menangkap ikan. Ada sesetengahnya, dijual kepada peraih yang menunggu mereka pulang dari laut dan pemasaran sebegini berlanjutan sehingga generasi bapa. Namun terdapat sedikit perubahan pada generasi bapa di mana mereka telah mula terikat dengan orang tengah akibat hutang yang dipinjam untuk mendapatkan aset pengeluaran seperti bot dan pukot. Sekitar

JADUAL 1. Perubahan ekonomi

Perubahan ekonomi/ Generasi	1940-1960an	1960-1980an	1980-2010an	2010- 2017
	Datuk	Bapa	Informan	Anak
Huluan ke hiliran	Datuk mereka hanya menjual di sekitar kampung.	Proses jual beli telah berarah ke luar daerah, dan sesetengah dihantar ke negeri lain	Ikan-ikan gred A, dihantar ke luar negeri dan di eksport ke Thailand dan Singapura	Kegiatan eksport menjadi pasaran penting tetapi dikawal oleh agensi perikanan disebabkan permintaan ikan yang tinggi dalam negara
Pendapatan	Pendapatan bergantung kepada hasil jualan lebih daripada makan keluarga. Mereka juga bercucuk tanam dan membela binatang untuk makanan dan jual	Mempunyai pendapatan tetapi ditindas oleh tauke kerana terikat dengan hutang. Hasil pendapatan yang diperoleh akan ditolak hutang oleh tauke.	Pendapatan yang diperoleh tinggi kerana mereka telah menganggap sektor perikanan sebagai satu perniagaan.	Pendapatan semakin tinggi kerana mereka mengusahakan sepenuhnya secara komersial
Strategi Pemasaran	Pemasaran ikan dilakukan sendiri dan hanya berlaku di sekitar kampung	Pemasaran dilakukan oleh orang tengah disebabkan proses clientalism oleh orang tengah atau tauke	Ada yang masih diuruskan oleh orang tengah. Ada yang mengupah orang lain yang dilantik sebagai peletong atau dagangan atau jual sendiri hasil tersebut	Mereka menggaji pekerja berkemahiran sebagai peletong atau dagangan untuk menjual hasil tangkapan.

tahun 1980an masih juga terdapat informan yang memasarkan hasil tangkapan kepada orang tengah. Biasanya nelayan ini merupakan nelayan yang tidak membuat sebarang perubahan dalam aktiviti penangkapan ikan. Mereka masih menggunakan bot pesisir, menggunakan alatan tradisional dan bekerja untuk mendapat pendapatan harian. Berbeza dengan informan yang berubah kepada bot yang lebih besar untuk menjalankan operasi tangkapan lebih jauh dari pantai. Nelayan seperti informan ini, yang berjaya menjadi pemasar yang berjaya sehinggakan mampu melantik pelelong atau dagangan untuk menjual hasil tangkapan mereka. Mereka yang dilantik akan diberi upah mengikut peratusan jualan ikan yang mampu dijual. Strategi melantik pelelong atau dagangan ini juga digunakan oleh generasi anak untuk memasarkan hasil tangkapan.

Peralihan nelayan pesisir kepada juragan-pengusaha memberi impak yang besar terhadap perubahan ekonomi mereka. Bukan sahaja dapat beroperasi dari kecilan kepada besar-besaran dan menukar strategi pemasaran malah dapat meningkatkan pendapatan mereka. Seterusnya dapat mentransformasikan kehidupan dari kemiskinan kepada hidup lebih senang dan sejahtera.

*Perubahan Sosiobudaya* Perubahan sosiobudaya dilihat menerusi tiga indikator iaitu taraf hidup, budaya dan pengetahuan tradisi. Secara umumnya perubahan sosiobudaya dari generasi ke generasi semakin berkembang dan bertambah baik. Perubahan taraf hidup yang agak ketara antara empat generasi yang mana sekitar tahun 1940an hingga 1960an (generasi datuk), pekerjaan sebagai nelayan bertujuan untuk memenuhi keperluan keluarga. Lebihan makan barulah dijual atau diproses menjadi ikan keriang. Ketika ini taraf hidup sangat rendah. Namun ketika itu, pekerjaan kais pagi makan pagi kais petang makan petang merupakan rutin dan dianggap biasa. Hal ini disebabkan majoriti komuniti nelayan ketika itu hidup dalam kemiskinan melainkan pemilik aset pengeluaran yang dikuasai oleh golongan patron. Seterusnya, pada tahun 1961an hingga 1980an pula, kehidupan bapa informan semakin meningkat sedikit daripada generasi datuk. Walau bagaimana pun mereka majoritinya terikat dengan tauke dan orang tengah kerana mengambil aset pengeluaran seperti bot dan pukut dengan mereka. Perjanjian biasanya dibuat dengan penolakan hasil tangkapan daripada nelayan. Beberapa peratus hasil pendapatan akan ditolak terus hutang tersebut. Perkara ini menyebabkan

mereka dibelenggu kemiskinan dan sukar untuk tidak bergantung pada tauke dan orang tengah.

Pada tahun 1981an hingga 2010an pula, industri perikanan semakin berkembang. Industri perikanan laut dalam mula diperkenalkan. Walau pun begitu, sekitar tahun 1981 hingga 1990, terdapat informan yang masih menggunakan bot zon C untuk operasi penangkapan. Setelah pinjaman terbuka kepada komuniti nelayan, mereka menaik taraf kepada bot C2 yang beroperasi di zon laut dalam. Perlu diingatkan bahawa, berdasarkan penetapan Jabatan Perikanan Malaysia, bot yang beroperasi di zon A, B dan C merupakan bot pesisir pantai manakala bot yang dikelaskan zon C2 dan C3 merupakan bot laut dalam. Taraf hidup telah berubah, kebergantungan kepada tauke dan orang tengah semakin berkurang dan hampir tiada. Tahun 2000an, tauke dan orang tengah bagi komuniti nelayan laut dalam ini telah tiada. Malah mereka (informan) yang menjadi tauke dengan membeli hasil tangkapan untuk dijual. Perubahan penggunaan bot yang besar pemangkin kepada pengeluaran besar-besaran. Industri perikanan telah menjadi satu industri perniagaan yang menguntungkan mereka. Kejayaan mereka telah diperturunkan kepada anak-anak sebagai pewaris. Pengambilalihan tugas pengusaha perikanan dengan penyeliaan daripada informan menjadikan perusahaan perikanan penting sebagai perniagaan keluarga. Kajian menegaskan bahawa tidak semua anak informan berminat dengan pekerjaan bapa mereka. Bagi informan yang tidak mempunyai pewaris, bila semakin meningkat usia dan uzur, mereka menjual sedikit demi sedikit aset pengeluaran mereka.

Bagi perubahan budaya pula, apa yang menarik mengenai komuniti nelayan adalah jaringan sosial yang kukuh dan erat. Hal ini dapat dijelaskan melalui budaya lepak sebaik sahaja pulang dari aktiviti menangkap ikan. Budaya lepak begitu terkenal dengan komuniti nelayan dari generasi ke generasi. Walau pun begitu perubahan tempat lepak selari dengan peningkatan taraf hidup mereka. Misalnya generasi datuk dan bapa biasanya lepak di wakaf berhampiran pantai atau di kedai kopi kecil dalam kampung. Perubahan taraf hidup dan mempunyai kelas tertentu dalam kalangan komuniti nelayan, generasi informan tidak lagi lepak di kedai kopi dan wakaf tetapi mereka beralih kepada kopitiam dan restoran atau ke tempat yang mewah setara dengan kelas mereka pada hari ini. Berbeza dengan generasi anak yang semakin meninggalkan budaya lepak akibat daripada fokus menguruskan

organisasi. Sebenarnya, budaya lepak merupakan satu aktiviti yang bermanfaat selain merapatkan hubungan, mereka juga berkongsi pengalaman, kemahiran, ilmu dan kawasan tumpuan tangkapan. Selain daripada budaya lepak, terdapat satu lagi budaya yang sering dikaitkan dengan komuniti nelayan iaitu budaya berhutang dengan tauke dan orang tengah. Budaya berhutang berlaku disebabkan himpitan kehidupan yang miskin untuk memenuhi keperluan seharian. Justeru, mereka berhutang untuk mendapatkan bot dan pukat, malah berhutang untuk membeli keperluan keluarga. Budaya ini terkenal sekitar tahun 1940an hingga akhir 1990an. Perubahan taraf hidup menyebabkan budaya hutang semakin tiada kerana mereka telah berjaya menguruskan dengan baik kewangan perusahaan perikanan yang dimiliki. Lagi pula mereka telah mempunyai saluran yang formal seperti pinjaman kewangan daripada bank untuk memperkembangkan perusahaan mereka.

Seterusnya, perubahan pengetahuan tradisi. Pengetahuan tradisi merupakan pengetahuan yang bertujuan untuk survival hidup dalam sesebuah ekosistem, dalam kes ini ekosistem komuniti nelayan dan lautan. Juruselam merupakan pekerjaan yang diperlukan sekitar tahun 1940an sehingga akhir 1970an. Tugas juruselam adalah menyelam dan mengenal pasti kawasan kumpulan ikan dan mendengar bunyi kumpulan ikan. Apabila juruselam telah mengenal pasti kawasan yang mempunyai kumpulan ikan, krew akan melabuhkan pukat di kawasan yang ditentukan tadi. Selepas kemunculan teknologi seperti sonar, *fish finder* dan GPS pada tahun 80an, tugas juruselam tidak relevan lagi. Tambahan pula, peralihan kepada bot yang lebih besar yang beroperasi di laut dalam, menyebabkan tugas juruselam tidak sesuai. Apa yang ingin kajian gariskan adalah pengetahuan tradisi sebagai juruselam dari generasi ke generasi hampir pupus dan hilang di generasi anak. Semasa generasi

JADUAL 2. Perubahan sosiobudaya

Perubahan sosiobudaya/ Generasi	1940-1960an	1961-1980an	1981-2010an	2011- 2017
	Datuk	Bapa	Informan	Anak
Taraf hidup	Menangkap ikan untuk keperluan keluarga, lebihan makan baru dijual atau di proses menjadi ikan kering. Taraf hidup rendah.	Bertukar corak di mana hasil tangkapan telah dijual kepada peraih dan tauke. Taraf hidup meningkat tetapi terikat dengan tauke.	Taraf hidup meningkat. Orientasi tangkapan lebih kepada pengeluaran besar-besaran untuk pasaran. Sektor perikanan mula meningkat naik.	Taraf hidup selesai dan perikanan menjadi satu perusahaan perniagaan penting dalam keluarga
Budaya	Budaya lepak di wakaf dan kedai kopi selepas ke laut menjadi satu kewajiban pada mereka	Selain budaya lepak yang masih kekal, berhutang juga menjadi satu budaya pada nelayan ketika ini	Masih terdapat nelayan yang berhutang, namun begitu, mereka mula menyimpan untuk beralih kepada bot yang lebih besar. Budaya lepak masih kekal dan sudah beralih ke kopitiam dan restoran.	Budaya hutang dengan tauke telah tiada. Mereka membuat pinjaman dengan bank. Budaya lepak kian terhakis kerana mereka sibuk mengusahakan perikanan mereka
Pengetahuan tradisi	Ketika ini ilmu juru selam merupakan individu penting dalam sesebuah bot. Mereka memainkan peranan penting dalam mendengar bunyi kumpulan ikan.	Ilmu juru selam masih menebal dan mereka tetap menjadi tulang belakang dalam sesebuah bot.	Masih ada yang mempunyai pengetahuan berkaitan ilmu juru selam, namun generasi ke generasi telah hilang pengetahuan tradisi kerana tugas dan tanggungjawab mereka diganti dengan teknologi	Pengetahuan tradisi berkaitan juru selam telah terhapus. Kegiatan perikanan bergantung kepada teknologi moden.



informan, ada sesetengah informan mempunyai kemahiran juruselam tetapi tidak dipraktikkan kerana tidak praktikal lagi untuk menangkap ikan di laut dalam, lagi pula terdapat teknologi moden yang memudahkan urusan tangkapan ikan.

Kesan peralihan juragan kepada pengusaha mengubah sosiobudaya dalam komuniti mereka terutamanya dari segi taraf hidup. Perubahan sosiobudaya ini membuktikan nelayan pesisir mampu berkembang maju menggunakan potensi diri yang dimiliki. Secara tak langsung dapat menyejahterakan taraf hidup dari generasi ke generasi. Kesan peralihan juga melihat bahawa, budaya yang menjadi norma seperti lepak dan berhutang kian terhakis. Budaya lepak sebenarnya budaya yang baik jika dilihat dari segi keterikatan hubungan sosial antara komuniti nelayan. Budaya lepak ini mengukuhkan hubungan dan penting untuk perkongsian maklumat dan membantu menyelesaikan sebarang masalah. Walau bagaimana pun budaya ini ditukar kepada aktiviti berpersatuan untuk merapatkan jaringan antara mereka. Sementelahan dengan pengetahuan tradisi yang sudah dianggap lapuk dan tidak diperlukan lagi

pada masa kini untuk dipraktikkan kepada aktiviti penangkapan ikan secara besar-besaran.

*Perubahan Persekitaran* Kesan peralihan dari konteks persekitaran termasuklah akses iaitu kemudahan capaian fizikal terutamanya pelabuhan, sumber marin dan penggunaan teknologi. Kemudahan pendaratan dari generasi ke generasi semakin baik selari dengan perkembangan industri perikanan di Malaysia. Pihak kerajaan dari semasa ke semasa membina infrastruktur yang selesa untuk pelabuhan bot-bot nelayan di setiap negeri termasuklah di wilayah ECER. Pada zaman datuk, sekitar tahun 1940-1960an tiada akses yang baik untuk kemudahan pendaratan bot pantai. Majoritinya melabuhkan bot mereka di pesisiran pantai. Beralih tahun 1960an hingga 1980an, pelabuhan kecil atau pangkalan kecil telah dibina untuk pendaratan bot kayu zon A. Usaha memajukan sektor perikanan pada tahun 1981 hingga 2010an menyebabkan banyak kemudahan pendaratan dibina dan dibaikpulih misalnya di Tok Bali, Kelantan dan di Kuantan, Pahang, telah dijadikan satu hub pendaratan yang besar, yang mana dikhususkan kepada pendaratan bot laut dalam iaitu zon C2 dan

JADUAL 3. Perubahan persekitaran

Perubahan persekitaran/ Generasi	1940-1960an	1961-1980an	1981-2010an	2010- 2017
	Datuk	Bapa	Informan	Anak
Akses	Tiada akses yang baik terutamanya kemudahan pendaratan. Mereka melabuhkan perahu di tepi pantai.	Telah wujud pangkalan kecil sebagai jeti kecil untuk pendaratan bot kayu zon A.	Kemudahan pendaratan telah dibina di setiap negeri walaupun tidak mampu menampung kesemua bot yang berlabuh	Kemudahan pendaratan untuk bot zon laut dalam telah banyak dibina untuk kemudahan pelabuhan
Sumber marin	Sumber marin banyak dan belum diteroka. Kegiatan bot laut dalam tidak aktif di pantai timur.	Sumber marin masih banyak, namun penggunaan teknologi yang tradisional membataskan aktiviti tangkapan	Sumber marin berkurangan akibat daripada eksploitasi pukut tunda dan pencerobohan	Sumber marin makin berkurangan disebabkan eksploitasi berlebihan, penggunaan pukut haram oleh kapal asing, pencerobohan kapal asing dan telah banyak bot bot baru beroperasi (persaingan di laut)
Teknologi	Tiada penggunaan teknologi moden. Hanya sampan dan bot kayu, pancing dan bubu serta yang mampu akan membeli pukut	Pukat benang merupakan teknologi pada ketika ini. Bot kayu yang lebih besar dengan kuasa enjin sangkut.	Pukat tasi dan teknologi radar, bot fiber, bot berjentera besar telah digunakan	GPS, radar, sonar, echo sounder, merupakan alatan utama untuk menangkap ikan.

C3. Selepas tahun 2010, telah banyak kemudahan lain dirancang dan ditambah di pelabuhan sedia ada untuk melancarkan urusan pendaratan ikan seperti jentera sistematik yang boleh dikawal menggunakan alat kawalan jauh. Kemudahan yang disediakan saban tahun semakin memudahkan komuniti nelayan untuk menjalankan operasi menangkap ikan.

Seterusnya perubahan sumber marin. Perubahan sumber marin dalam konteks kajian adalah dari segi populasi sumber pada setiap generasi. Kemosotan sumber dari generasi ke generasi adalah disebabkan oleh penggunaan teknologi tanpa had yang tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Didapati sumber marin ketika generasi datuk dan bapa masih banyak dan sukar diteroka akibat penggunaan teknologi tradisional. Pengenalan kepada pukat tunda awal 1980an dan galakan meneroka laut dalam, meningkatkan persaingan untuk mendapatkan sumber. Hal ini menjejaskan sumber marin jika melakukan tangkapan tanpa kawalan dan tidak mengikut syarat. Pengambilan pekerja asing yang mahir dari Vietnam dan Thailand mengeruhkan lagi keadaan sumber marin yang mana, mereka mempunyai teknik tertentu untuk mendapatkan ikan yang berada di dasar laut. Perkara ini menjejaskan tempat pembiakan ikan dan plankton sebagai sumber makanan kepada hidupan marin. Keadaan ini berterusan sehinggalah terdapat kawasan-kawasan tertentu yang digariskan sebagai zon larangan menangkap ikan oleh pihak Kerajaan untuk memelihara dan memulihara kawasan pembiakan ikan.

Perubahan penggunaan teknologi juga sejajar dengan globalisasi zaman. Penggunaan teknologi moden untuk menggantikan tenaga kerja manusia dapat melancarkan operasi tangkapan. Seperti generasi datuk dan bapa, kekurangan teknologi menjadikan urusan penangkapan terhad. Mereka hanya menggunakan sampan dan bot kayu tanpa enjin, pancing dan bubu untuk menangkap ikan manakala sekitar tahun 1960an diperkenalkan pukat benang dan bot kayu enjin dalam. Sekitar tahun 1980an pula, pukat tasi dan teknologi radar, bot fiber, bot berjentera kuasa kuda yang lebih besar diperkenalkan. Komuniti nelayan ketika itu menggunakan teknologi baru tersebut sehinggalah pelbagai alatan canggih lain yang terkini dan inovasi untuk kegunaan bot laut dalam dan bot lain diaplikasikan dan diadaptasi oleh mereka. Antaranya ialah *Global Positioning System* (GPS),

*Vessel Tracking Unit* (VTU), sonar, *fish finder*, enjin berkuasa tinggi, alat kawalan penarik pukat dan teknologi lain yang dapat mengurangkan penggunaan pekerja di dalam bot khususnya bot laut dalam.

Peralihan nelayan kepada juragan-pengusaha laut dalam memberi kesan langsung kepada perubahan persekitaran. Jelas bahawa setiap perubahan persekitaran seiring dengan kemajuan yang diperlukan oleh industri perikanan khususnya kemudahan akses dan teknologi moden. Namun, kemunculan teknologi baharu ini juga memberi kesan buruk kepada ekosistem sumber marin sekiranya penangkapan secara tidak terkawal dilakukan dan tiada tindakan yang tegas diambil kepada pelaku berkenaan. Justeru, perubahan persekitaran kesan daripada transformasi juragan-pengusaha perlu seimbang demi menjaga kelestarian sumber dan jaminan hasil laut untuk masa hadapan negara. Malah sumber laut yang berterusan ada juga menjamin perkembangan nelayan dan industri perikanan negara.

#### KEMUNCULAN KELAS SOSIAL BAHARU

Kelas sosial dalam komuniti nelayan merupakan kumpulan yang berbeza berdasarkan ciri-ciri tertentu berdasarkan taraf hidup, kedudukan sosial dan pemilikan faktor pengeluaran seperti perkakas alat tangkapan, modal, kuasa dan pengaruh. Dalam komuniti nelayan, kelas sosial paling atas dalam stratifikasi sosial sesebuah organisasi bot adalah diterajui oleh juragan. Kajian mendapati terdapat perubahan kelas sosial dengan kemunculan kelas baharu iaitu juragan-pengusaha sekitar tahun 1980an. Hierarki sosial dalam kalangan nelayan sekitar tahun 1940 hingga 1980an dimulai dengan golongan paling bawah iaitu krew, diikuti juru enjin, seterusnya juru selam dan puncak tertinggi adalah juragan. Empat kelas sosial tersebut merupakan faktor pengeluaran penting selain perkakas tangkapan untuk menggerakkan operasi.

Namun perubahan berlaku apabila sesetengah kumpulan nelayan memulai kebangkitan dari belunggu lama yang mana terhimpit dengan kemiskinan, ditindas dan sukar untuk membangunkan diri dan komuniti mereka. Tugas juru selam telah terhapus selepas pengenalan kepada teknologi moden awal tahun 1980an. Walaupun sesetengah informan mempunyai kemahiran juru selam, tiada lagi praktiknya kepada aktiviti penangkapan

ikan. Satu ketika dahulu [1940-1980an] sebelum globalisasi, tugas juru selam merupakan tugas penting untuk menentukan kawasan kumpulan ikan. Menurut Firth (1990) unsur nasib baik menentukan keputusan setiap ekspedisi ke laut, sebenarnya margin antara kejayaan dan kegagalan tidaklah besar, kesilapan kecil dalam cara meletakkan pukat di kawasan yang salah akan menggagalkan usaha mereka. Oleh itu, kemahiran juragan sangat penting untuk memastikan hasil tangkapan pada hari itu banyak dan lumayan.

Namun demikian, setelah pertukaran kepada perikanan laut dalam, khidmat juru selam sudah tidak mempunyai kewajaran untuk digunakan sementelahan dengan kemunculan teknologi moden yang dapat menggantikan juru selam. Perubahan operasi perikanan laut dalam mendorong juragan laut dalam ini berhenti menjadi juragan dan fokus kepada pengurusan, organisasi serta syarikat perikanan yang semakin berkembang. Mereka mula menguasai industri perikanan dengan melakukan pemasaran di dalam dan luar negara, menambah unit pengeluaran seperti bot laut dalam dan pukat, membeli teknologi moden untuk kegunaan tangkapan, membeli dan menjual hasil perikanan secara produktif dan menjalankan urus niaga lain selain perikanan.

Penguasaan dalam industri perikanan menjadikan mereka kartel dalam industri perikanan. perlu ditekankan bahawa, perubahan yang berlaku dalam kalangan juragan kepada pengusaha ini berlaku secara perlahan dan berperingkat sehingga mereka berjaya menjadi kumpulan usahawan dalam industri perikanan. Kemunculan mereka memecah hierarki sosial pada tahun 1940 hingga 1980an. Sebahagian juragan ini dalam konteks kajian bukan semata-mata ketua kapal ikan, tetapi mereka telah menjelma sebagai usahawan. Tugas mereka sebagai juragan telah diambil alih oleh juragan-pekerja. Juragan-pekerja merupakan juragan yang diupah untuk mengemudi bot bagi menggantikan posisi mereka. Juragan yang diupah ini mempunyai kemahiran tinggi dan biasanya diimport dari Thailand, Vietnam dan Indonesia melalui perkenalan antara rakan luar negara.

Mereka kini dikenali sebagai juragan-pengusaha disebabkan evolusi yang dilakukan menerusi fasa-fasa yang telah dinyatakan. Pemecahan hierarki oleh kelas sosial baharu ini menunjukkan bahawa perubahan sentiasa berlaku dalam komuniti nelayan walau pun tidak drastik.

Kemunculan kelas sosial baharu ini iaitu kelas juragan-pengusaha dapat menjelaskan *conceptual muddle* atau kecelaruan konsep mengenai siapakah usahawan sebenar dalam industri perikanan khususnya di Wilayah ECER. Hal ini penting untuk diberi pencerahan supaya pemain-pemain dalam sektor perikanan seperti orang tengah, tauke, peniaga ikan, pemegang taruh dan pengguna adalah sebahagian rantai nilai yang ingin mendapatkan, menghasilkan dan menguruskan sumber perikanan.

## KESIMPULAN

Industri perikanan khususnya dalam konteks kawasan kajian iaitu wilayah ECER, bergerak secara lamban, tetapi konsisten beralih dari satu fasa ke fasa yang lain. Walau pun penerimaan terhadap perubahan terutamanya teknologi agak lambat di sebelah Pantai Timur berbanding Pantai Barat (Mohamad Raduan et al. 2011), Semenanjung Malaysia, pada akhirnya nelayan ini berjaya menceburi bidang perikanan laut dalam. Walau pun mengambil tempoh masa yang agak panjang iaitu lebih kurang 15 hingga 20 tahun, mereka berjaya muncul sebagai pengusaha perikanan yang menguasai industri perikanan.

Seiring dengan perkembangan industri perikanan, suatu transformasi telah berlaku dari segi peranan nelayan ini. Sebahagian daripada juragan ini bukan semata-mata juragan kapal, tetapi mereka telah menjelma sebagai usahawan iaitu dikenali sebagai juragan-pengusaha (Norfatiha 2018). Peralihan nelayan kepada juragan-pengusaha, dinamikanya mengubah landskap kehidupan mereka dari segi ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran secara inter-generasi. Peningkatan kesejahteraan hidup melalui pendayaupayaan diri melonjakkan lagi potensi yang dimiliki. Gabung jalin pengalaman, kemahiran dan sikap sanggup mempelajari perkara baharu membolehkan juragan-pengusaha berjaya membentuk satu syarikat perusahaan perikanan komersial yang menjadi perniagaan utama untuk mendapatkan keuntungan, bahkan dapat menguasai industri perikanan.

Seterusnya, kemunculan kelas sosial baharu ini iaitu juragan-pengusaha dalam komuniti nelayan dapat menjelaskan persoalan yang timbul mengenai usahawan sebenar dalam industri perikanan. Sedangkan, aktor/pemain lain, misalnya

peraih, pemborong, orang tengah, tauke dan agensi merupakan sebahagian rantaian dalam industri perikanan. Justeru, kemunculan juragan-pengusaha memberi gambaran bahawa industri perikanan Malaysia khususnya di wilayah ECER sedang bergerak maju dapat meningkatkan pendaratan ikan negara.

#### CADANGAN

Peralihan nelayan kepada juragan-pengusaha di wilayah ECER menunjukkan persaingan sengit untuk mendapatkan hasil laut tanpa mengekalkan kelestarian sumber marin, dicadangkan supaya setiap nelayan laut dalam diberi pendedahan untuk menangkap ikan dengan menggunakan alatan yang tidak merosakkan zon pembiakan sumber. Bagi merealisasikan cadangan ini, pihak Jabatan Perikanan Malaysia boleh memainkan peranan dengan menyediakan satu garis panduan khusus kepada nelayan laut dalam. Salah satu halangan yang bakal dihadapi oleh agensi ini ialah tetap berlaku eksploitasi sumber secara berlebihan akibat ketamakan sesetengah pengusaha untuk mendapatkan keuntungan berlebihan. Namun begitu, ia dijangka dapat diatasi sekiranya terdapat pemantauan dan denda yang dikenakan terhadap nelayan laut dalam yang melanggar peraturan. Tindakan seperti ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan aktiviti pengambilan sumber berlebihan dan menjaga ekosistem sumber marin dari terus mengalami kepupusan.

#### LIMITASI DAN KAJIAN SUSULAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertamanya dari segi bilangan responden, ia hanya dilakukan kepada 17 orang informan dan keduanya, dari segi bilangan kawasan di mana iai hanya dilakukan di empat buah negeri dengan daerah-daerah terpilih di wilayah ECER iaitu di daerah Tumpat, Pasir Putih, Kuala Besut, Kuantan dan Endau-Mersing. Dicapangkan agar kajian akan datang dapat menambah bilangan informan atau dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif untuk melihat kedinamikan perubahan dalam industri perikanan laut dalam. Kajian akan datang juga harus memperluaskan kawasan kajian kepada Pantai Barat dan zon Sabah/Sarawak bagi memberi gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh mengenai peralihan nelayan kepada juragan-pengusaha di Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Makalah penyelidikan ini dihasilkan oleh penulis berasaskan kerja lapangan untuk ijazah PhD yang sedang dilakukan oleh pengkaji di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkaji mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Profesor Dato' Dr. Rashila Ramli dan Dr. Nor Hayati Sa'at atas bimbingan mereka untuk menghasilkan makalah ini. Ucapan terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu atas tajaan sepanjang pengajian.

#### RUJUKAN

- Alhojailan, M.I. 2012. Thematic analysis: a critical review of its process and evaluation. *West East Journal of Social Sciences*1(1): 39-47.
- Bailey, M., Bush, S., Oosterveer, P & Larastiti, L. 2015. Fishers, fair trade and finding middleman ground. *Journal Elsevier, Fisheries Research* 43(12): 10.
- Bogdan, R & Biklen. 2007. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. California: Pearson.
- Braun, V & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77-101.
- Chin Yee Whah. 2002. Usahawan Cina di Malaysia: Interaksi Budaya dan Transformasi Keusahawanan. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Dahalan Dzuhailmi., Turiman Suandi, Mohamad Rezal Hamzah, Jegak Uli, Jamilah Othman, Nobaya Ahmad & Nor Azliza. 2012. Komuniti Nelayan Muslim: Analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 8(3): 43-51.
- Firth, R. 1990. *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani Mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Granovetter, M. 1985. Economic action and social structure: The problem of embeddedness. *American Journal of Sociology* 91: 481-510.
- Hapke, H.M. 2012. capturing the complexities of globalization in fisheries: Gendered divisions of labour and divisions of labour and difference. *The Journal of the Asian Fisheries Society* 25(SI): 75-92
- Ishak Shari. 1990. *Ekonomi Nelayan: Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan Pembezaan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maguire, M & Delahunt, B. 2017. Patron, clients and policies: Patterns of democratic accountability



- and political competition. *Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 8(3): 1-10.
- Malaysia. 1981. *Rancangan Malaysia Ketiga 1981-1985*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad
- Malaysia. 1986. *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad
- Malaysia. 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Putrajaya: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad
- Malaysia. 2011. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Yoshimura, M., Okamoto, J., Yasuma, H & Kimura, N. 2016. Characteristics of operations at fish landing site managed by private owner in Thailand. *Bull Fish. Sci Hokkaido Univ* 66(1): 51-58
- Mohammad Raduan Mohd Arif. 2006. *Perusahaan Perikanan di Sabah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Raduan, Mohammad Sharir, Ismail Ali, Mazlan Majid & Hanafi Hussin. 2011. Perkembangan perusahaan perikanan di Semenanjung Malaysia: Isu dan persoalan. *Jati* 16: 265-299.
- Nobuyuki, Y. 2011. *Value Chains of Fishery Product in Japan: Management Frameworks and Future Challenges*. Graduate School of Agriculture and Life Science: The University of Tokyo.
- Nor Hayati Sa'at, Azlina Abdullah, Mansor Mohd Noor, Faridatulazna Ahmad Shahabuddin & Nor Azlil Hassan. 2018. Issues of development, poverty and social mobility in the context of research in development studies. *International Information Institute Japan* 21(6): 1685-1694.
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Zaifurin W. Nawang. 2017. Pola perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti muara di pantai timur Semenanjung Malaysia. *Akademika* 87(3): 163-176.
- Nor Hayati Sa'at. 2011. Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai: Kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia* 29(1): 95-123.
- Norfatiha Othman & Nor Hayati. 2018. Juragan laut dalam industri perikanan di Kelantan Terengganu: Nota Penyelidikan. *Southeast Asian Social Science Review* 3(1): 163-179.
- Norfatiha Othman. 2015. Modal Manusia, Modal Sosial dan Keusahawanan Dalam Komuniti Nelayan di Bachok, Kelantan. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu.
- Razi Yaakob, Hamdan Aziz, Daud Ismail, Abdulsoma, Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Ismail. 2016. Program pemantapan kerohanian keluarga miskin dan miskin tegar Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 2(2): 183-195.
- Schmidt, C. 2003. Globalisation, Industry Structure, Market Power and Impact on Fish Trade Opportunities and Challenges for Develop (OECD) Countries. FAO and Expert Consultation Trade, Rio de Janeiro, Brazil, 3-5 December 2003.
- Shapiro, A. & Sokol, L. 1982. The Social Dimensions of Entrepreneurship. Dlm. *Encyclopaedia of Entrepreneurship*, disunting oleh Kent, C.A., Sexton, D. L., & Vesper, K.H. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Sudarmono, Junaenah Sulehan & Noor Rahamah. 2012. Globalisasi industri perikanan: Dampak terhadap komuniti nelayan lokal di pesisiran pantai Kota Makassar, Indonesia. *Geografia-Malaysia Journal of Society and Space* 8(7): 173-182.
- Wan Hashim. 1990. *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Therik, W. M. A. 2008. Nelayan dalam bayangan juragan: Potret kehidupan nelayan tradisional Bajo di Tanjung Pasir, Indonesia. *Institute of Indonesia Tenggara Studies (IITS)* 2(1): 28-46.
- Zamzani, L. 2014. Perubahan sosio-ekonomi dan dampaknya terhadap amalan merantau di kalangan Nelayan. *Jurnal Antropologi Isu-isu Sosial Budaya* 1: 23-31.

Norfatiha Othman (Corresponding author)  
 Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi  
 Universiti Malaysia Terengganu  
 Malaysia  
 E-mail: fatiha.nfo@gmail.com

Abdul Rahman Abdul Latip  
 Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi  
 Universiti Malaysia Terengganu  
 Malaysia  
 E-mail: rahmanlatip89@gmail.com

Nor Hayati Sa'at  
 Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari/  
 Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi  
 Universiti Malaysia Terengganu  
 Malaysia  
 E-mail: norhayati@umt.edu.my

Received: 14 January 2019

Accepted: 29 May 2019

